

Malam Kebudayaan Tahun baru Cina penuh warna-warni



Kuantan, 23 Mac - Hampir 800 mahasiswa Universiti Malaysia Pahang (UMP) bagi memenuhi Dewan Astaka UMP Gambang sempena Chinese New Year Cultural Night atau Malam Kebudayaan Tahun Baru Cina 2016 yang bertemakan "Qi Huang Qing" bermaksud Togetherness. Program anjuran Exco Kebudayaan Cina di bawah Kelab Kebudayaan UMP.

Tujuannya malam kebudayaan ini adalah untuk mendedahkan kepada semua kaum untuk bersama-sama menyambut perayaan yang disambut oleh kaum lain. Selain itu ia adalah untuk memberi pengenalan budaya Tahun Baru Cina kepada semua warga UMP khususnya.

Bagi pengerusi program malam kebudayaan yang merupakan mahasiswa dari Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli, Lee Zhan Sheng berkata, penganjuran malam kebudayaan merupakan satu kejayaan bagi pasukannya kerana untuk menyediakan pelbagai persembahan menarik bukanlah suatu perkara yang mudah.



"Kami mahukan penganjuran malam kebudayaan tahun ni bermakna bagi kami dan berjaya menyampaikan mesej semangat perpaduan" katanya.

Begitu juga dengan Jeremy Chong Zhineng,22 dari Fakulti Kejuruteraan Awam dan Sumber Alam. Katanya sebagai mahasiwa UMP, keharmonian perpaduan kaum haruslah dikekalkan supaya warga UMP di dalam suasana yang harmoni. Beliau turut berbangga dengan kehadiran para ibu bapa yang datang memeriahkan malam kebudayaan untuk tahun ini.



Turut hadir sama Pendaftar, Abdul Hamid Majid, Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Korporat & Kualiti), Profesor Dato' Dr. Ishak Ismail dan Timbalan Pengerusi Kumpulan Wanita Gabungan Persatuan Persatuan China Negeri Pahang, Dato Lim Chong Ly. Tetamu yang hadir dapat menyaksikan persembahan silap mata, diabolo, nyanyian serta teater pendek yang berjaya mencuit hati penonton.



Berita disediakan oleh Nor Fadzillah Zulkipli dan jurufoto Naufal Samsuddin

Posted By : NOR FADZILLAH BINTI ZULKIPLI Date Posted : 28-03-2016, 10:46:28